

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Seri Tiong King Sing
[Bintulu]**

TARIKH : 18.06.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 138

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambah atau menaikkan jumlah peruntukan untuk melaksanakan Projek Jalan Kampung / Jalan Perhubungan Desa untuk kawasan Parlimen Bintulu terutamanya kawasan Suai dan Niah yang jaraknya melebihi 5KM panjang; dan
- (b) adakah pihak Kementerian membuat kajian terlebih dahulu sebelum meluluskan permohonan ini atau berdasarkan kepada faktor-faktor yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan projek Jalan Kampung dan Jalan Perhubungan Desa terutamanya di kawasan luar bandar secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan berdasarkan bajet yang diluluskan. Berhubung dengan permohonan projek Jalan Kampung / Jalan Perhubungan Desa di kawasan Suai dan Niah, Kementerian akan membuat siasatan tapak terlebih dahulu bagi menentukan skop, spesifikasi dan anggaran kos. Kementerian memohon kerjasama Yang Berhormat untuk mengemukakan maklumat lengkap mengenai permohonan jalan kampung di kawasan Suai dan Niah bagi membolehkan Kementerian membuat siasatan tapak.

Jawapan (b)

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian membuat kajian terlebih dahulu bagi menentukan skop, spesifikasi dan anggaran kos. Siasatan tapak akan dilakukan bersama agensi teknikal seperti Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan JKR beserta pemimpin tempatan.

Seterusnya Kementerian akan mempertimbangkan permohonan ini mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat berdasarkan bajet yang diluluskan. Selain itu, kerja-kerja menaik taraf dan melebarkan jalan-jalan kampung juga tertakluk kepada rizab jalan sedia ada, perlu mendapat izin lalu daripada tuan tanah dan memberi faedah tidak kurang daripada 50 orang pengguna jalan raya.